

Pencapaian Choon Han, Malik membanggakan

BA 4/8/03

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pencapaian dua rakyat Malaysia, Abdul Malik Mydin yang berenang merentasi Selat Inggeris dan Wong Choong Han yang memasuki final Kejohanan Badminton Dunia, menunjukkan rakyat Malaysia boleh mencipta kejayaan di pentas antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, kesungguhan Abdul Malik dan Choong Han menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai kebolehan dan bakat untuk mencapai kejayaan di peringkat dunia.

"Ini menunjukkan bahawa rakyat

Malaysia mempunyai kebolehan tertentu seperti *Endurance Race* (perlumbaan menunggang kuda) di Lyon, Perancis, baru-baru ini, dimenangi oleh Datuk Awang Kamarudin Abdul Ghani dan dua lagi penunggang muda yang mendapat tempat keenam dan ketujuh.

"Ini membuktikan mereka hebat," katanya selepas menutup Kamival Putrajaya 2003 di sini, malam tadi.

Sebelum Abdul Malik sampai ke garisan penamat dan Choong Han ditewaskan, Dr Mahathir mendoakan kejayaan mereka serta menghantar nota pesanan kepada Abdul Malik, kira-kira setengah jam sebe-

lum beliau memulakan renangannya, bagi menasihati Malik supaya tidak takut atau bimbang.

Perenang maraton negara, Abdul Malik telah memulakan renangannya dari pantai Abbots Cliff di Dover mulai jam 2.08 pagi waktu tempatan (9.08 pagi waktu Malaysia), dalam usahanya untuk mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama menakluki Selat Inggeris.

Sementara itu, Choong Han yang berjaya memasuki perlawanan akhir Kejohanan Badminton Dunia ke-13 di National Indoor Arena, Birmingham, England, kalah kepada pemain China, Xia Xuanze.

: